

Kes demam denggi di Pahang meningkat

Catat 2,093 kes dengan lapan kematian sehingga 19 Oktober 2019

NORAWAZNI YUSOP

KUANTAN

Sebanyak 2,093 kes demam denggi dilaporkan di Pahang sepanjang Januari hingga 19 Oktober lalu berbanding 765 kes tempoh sama tahun lalu.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pelajaran dan Kesihatan Pahang, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad berkata, peningkatan drastik itu mencatatkan sebanyak 174 peratus iaitu sebanyak 1,328 kes.

Menurutnya, daripada 2,093 kes yang dilaporkan, sebanyak 67 kes dikelaskan



sebagai kritikal dan telah mendapat rawatan di unit rawatan rapi (ICU).

"Saya difahamkan sebanyak lapan kes kematian telah direkodkan berbanding hanya tiga kes bagi tempoh yang sama.

"Jadi peningkatan bilangan kematian membatikan kes denggi pada tahun ini turut menunjukkan peningkatan sebanyak lima kes," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang di sini semalam.

Sebelum itu, Rosli Abdul Jabar (Pas-Tanjung Lumpur) bertanyakan soalan tentang status terkini kes demam denggi di Pahang.



SYED IBRAHIM

Rosli juga mahu wakil kerajaan Pahang menyatakan secara lengkap daerah, kampung, taman atau kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang paling tinggi menerima kes denggi.

Syed Ibrahim berkata, terdapat 10 lokasi dilaporkan dengan Taman Balok Pine, Kuantan merekod kes paling tinggi iaitu 32 kes diikuti Kuantan sebanyak 31 kes; Taman Pelindung Damai (31 kes) dan Taman Seri Mahkota Jaya Utara

(27 kes).

Menurutnya, di Taman Temerloh Jaya, Temerloh pula sebanyak 25 kes; Taman Bukit Rangin, Kuantan (23 kes); Flat Kampung Pak Mahat, Kuantan (22 kes); Taman Gall Tengah, Raub dan Kampung Felda Bukit Goh, Kuantan (18 kes); Felda Jengka 12, Jerantut dan Maran (14 kes).

"Kerajaan Pahang sentiasa membantu menerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengadakan pelbagai kempen dan aktiviti membanteras denggi di lokasi yang telah dikenalpasti itu," katanya.

Syed Ibrahim berkata, sebanyak 139 operasi bersepadu telah dijalankan di peringkat daerah dan 16 operasi telah dijalankan di peringkat Jabatan Kesihatan Pahang.

"Sehingga 19 Oktober lalu sebanyak 1,296 kompaun dan 800 notis pembersihan (Seksyen 8) telah dikeluarkan," katanya.